# LATIHAN KATA GANTI NAMA DIRI

Bahasa Melayu — Pilih jawapan yang paling sesuai.

**1.** Azman tidak ke sekolah pada hari ini kerana _____ demam panas.

A. dia B. kamu

**2.** "_____ akan belajar dengan bersungguh-sungguh," kata murid-murid Tahun Tiga Perdana kepada Cikgu Farhana.

A. Kami B. Kita

**3.** Guru besar sedang berucap. _____ menasihati murid-murid supaya tidak melanggar peraturan sekolah.

A. Dia B. Beliau

**4.** Murid-murid itu sedang giat berlatih kerana _____ akan menyertai perlawanan hoki pada minggu hadapan.

A. dia B. mereka

**5.** "Jumpa _____ di bilik guru," kata Cikgu Mimie kepada Khairy Razin.

A. aku B. saya

**6.** "Jangan buka kertas soalan ini sebelum _____ arahkan," kata Cikgu Sarala.

A. saya B. dia

**7.** "_____ berharap agar rakyat mengutamakan persekitaran yang bersih," titah Sultan Kedah.

A. Beta B. Baginda

**8.** Cikgu Rozamie memberikan arahan kepada murid-murid. _____ meminta mereka membawa kain buruk semasa aktiviti gotong-royong esok.

A. Dia B. -nya

**9.** "Mari _____ bersihkan kawasan taman bacaan itu," kata Daniel kepada kawan-kawannya.

A. kami B. kita

**10.** "Mengapakah _____ tidak memakai kasut tetapi berselipar sahaja semasa aktiviti gotong-royong?" tanya Vrishen kepada Divinesh.

A. kamu B. kita

**Skema Jawapan**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1. A | 2. A | 3. B | 4. B | 5. B |
| 6. A | 7. B | 8. A | 9. B | 10. A |

LIVEWORKSHEETS